



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 51/2021 dari 19 Disember hingga 25 Disember 2021)

Pada minggu ke-51, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 61 kes (10.7%), menjadikan jumlah kes 633 berbanding 572 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-51. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 25,794 kes berbanding 88,845 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 63,051 kes (71.0%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 19 kematian berbanding 142 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 123 kematian (86.6%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 10 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-51 berbanding sembilan (9) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan lapan (8) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot berada di Negeri Kedah serta WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 27 kes pada minggu ke-51 yang mana 12 kes dari Selangor, 10 kes dari WPKL & Putrajaya, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) kes dari Kedah, Negeri Sembilan serta Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,420 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,590 sampel darah dan 33 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Penyakit demam denggi adalah endemik di negara kita, iaitu berlaku sepanjang tahun. Fasa pasca banjir di beberapa buah negeri baru-baru ini berpotensi menyebabkan wabak denggi jika bekas-bekas takungan air dan sampah-sarap tidak dilupuskan dengan sempurna. Justeru itu, setiap lapisan masyarakat bersama-sama pihak berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan serta sukarelawan perlu berganding bahu bagi memastikan persekitaran bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sempena tahun baru 2022 ini, marilah kita berazam untuk menjadi masyarakat yang prihatin dan berdisiplin dalam memelihara kelestarian serta kebersihan persekitaran. Bebaskan keluarga, komuniti dan negara kita dari ancaman demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

3 Januari 2022




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 50 dan ke- 51 tahun 2021




Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 51 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

Lampiran B



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-51 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 51/2021
(19 Disember hingga 25 Disember 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 51/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 51/2020	
		Minggu 51 (19 Disember – 25 Disember 2021)		Minggu 50 (12 Disember – 18 Disember 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	62	0	18	0	622	1	769	0
3	P. Pinang	10	0	8	0	397	0	1,025	2
4	Perak	7	0	6	0	541	1	2,631	3
5	Selangor	373	0	356	0	15,383	2	43,941	37
6	WP KL & Putrajaya	48	0	45	0	3,030	2	10,451	7
7	N. Sembilan	21	0	19	0	630	1	2,858	10
8	Melaka	7	0	16	0	598	0	2,770	8
9	Johor	37	0	33	0	1,747	5	11,389	42
10	Pahang	1	0	2	0	422	2	3,176	8
11	Terengganu	1	0	3	0	48	0	395	0
12	Kelantan	5	0	5	0	220	0	3,863	7
13	Sarawak	12	0	16	0	407	0	1,498	2
14	Sabah	49	0	45	0	1,724	5	3,992	16
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	7	0
	MALAYSIA	633	0	572	0	25,794	19	88,845	142

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 51/2021
(19 Disember hingga 25 Disember 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	WPKL&P	CHERAS	TAMAN SHAMELIN (BUSTAN SHAMELIN APARTMENT)	5	33
2	SELANGOR	HULU LANGAT	TAMAN MAJU SATU	7	34
3	SELANGOR	HULU LANGAT	KAMPUNG SUNGAI BALAK	9	37
4	SELANGOR	PETALING	E11. SRI PJU 1A PPRT LEMBAH SUBANG 2 (BLOK A-E)	17	41
5	KEDAH	KULIM	TAMAN RIA	34	42
6	SELANGOR	PETALING	E9. KT SS 3 (TERES 1)[JLN SS 3/41, 41A, 43, 45, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 59A-D, 59F]	13	45
7	SELANGOR	HULU LANGAT	JALAN TKP 21-32 TAMAN KANTAN PERMAI	14	49
8	SELANGOR	HULU LANGAT	TAMAN SAUJANA EMAS	13	51
9	SELANGOR	PETALING	E6. BL PJU 10 APT LESTARI	28	61
10	SELANGOR	HULU LANGAT	SEKSYEN 4 BANDAR RINCHING	17	66

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 51/2021 (25 Disember 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Batu Pahat	1	97
		Johor Bahru	17	
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	6	140
		Kota Setar	15	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	24	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	55
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	30	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	13	
5.	Melaka	Alor Gajah	6	29
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	17	20
		Rembau	1	
		Kuala Pilah	1	
		Tampin	1	
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	38	77
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	3	

		SP Utara	6	
		Timur Laut	29	
9.	Selangor	Gombak	186	333
		Hulu Langat	83	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	486
		Kepong	181	
		Lembah Pantai	65	
		Titiwangsa	189	
JUMLAH KUMULATIF			1,420	